
Contoh Tugas Geografi PT3

GUNA TANAH DI KAWASAN TEMPAT TINGGAL /SEKOLAH

Ditulis oleh : _____
Tingkatan : _____
No. Kp : _____
Angka Giliran : _____

***Contoh tugas ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar membuat tugas sendiri. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat. Sumber rujukan yang dipetik perlu dinyatakan. Pelajar hanya perlu mengolah semula maklumat dengan ayat sendiri.**

1.2 JADUAL KERJA / SENARAI SEMAK

| Bil | Perkara | Halaman | Tarikh | Tandatangan |
|-----|-------------------------------|---------|--------|-------------|
| 1.1 | Penghargaan | | | |
| 1.2 | Tajuk kajian | | | |
| 1.3 | Jadual kerja | | | |
| 1.4 | Objektif kajian | | | |
| 2.1 | Kaedah kajian | | | |
| 2.2 | Mengumpul maklumat | | | |
| 3.1 | Kerangka kasar penulisan | | | |
| 3.2 | Pengenalan-konsep | | | |
| 3.3 | Jadual /graf/carta pai dibina | | | |
| 3.4 | Masalah /kesan | | | |
| 3.5 | Cadangan penambahbaikan | | | |
| | Rumusan | | | |
| | Rujukan | | | |
| | Penilaian umum | | | |

PENGHARGAAN

Contoh 1

Saya berasa sangat gembira untuk menghasilkan Kerja Kursus Geografi di Petaling Jaya. Saya dapat melaksanakannya dengan sempurna dengan bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak. Dengan itu, saya mahu mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada guru penilai saya iaitu Tuan/Puan..... kerana telah sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjalankan kerja kursus ini. Selain itu, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang telah sudi menjadi responden saya dalam kajian ini dan telah mengambil masa untuk melengkapkan borang soal selidik yang disediakan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan saya yang telah memberi bantuan dan keterangan kepada saya apabila saya tidak memahami apa yang diajar oleh guru.

Akhirnya, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah memberi dorongan dan bantuan untuk saya menjalankan kajian ini. Jasa mereka semua akan dikenang sepanjang hidup saya. Kajian ini akan dapat membantu saya membuat satu kajian ilmiah dengan tatacara yang betul, jelas dan tepat. Saya juga dapat memupuk semangat patriotisme di dalam diri saya dan juga dalam kalangan generasi muda melalui kajian ini.

Contoh 2

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dariNya, maka saya telah dapat menyiapkan tugas Kerja Kursus Geografidengan jayanya. Insya Allah, tugas kerja kursus ini akan memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Pengetua iaitukerana membenarkan saya menjalankan kerja kursus Geografi dengan jayanya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada.....iaitu guru geografi kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar tentang cara-cara membuat kajian mengikut kriteria yang ditetapkan. Beliau turut membantu menyemak data, laporan dan membuat teguran agar memperoleh hasil kajian dengan cemerlang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu ayahandadan bonda yang turut membantu untuk menyiapkan kerja-kerja ini. Tanpa sokongan mereka mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja-kerja seperti ini. Ini kerana kerja-kerja untuk menyiapkan kerja kursus ini memerlukan motivasi, usaha, buah fikiran dan wang ringgit.

Sekian, terima kasih.

PENDAHULUAN

Saya,dari kelas 3.....telah menghasilkan Kerja Kursus Geografi ini. Kawasan kajian saya ialah, Petaling Jaya. Kawasan ini juga berdekatan dengan rumah/sekolah saya. Hal ini telah memudahkan saya dan rakan-rakan membuat kajian selepas waktu persekolahan. Tempoh masa kajian dijalankan ialah enam waktu pengajaran dan pembelajaran. Dalam masa ini, saya mesti menyiapkan projek ini dan menghantarkannya pada masa yang ditetapkan supaya boleh diberi penilaian oleh guru penilai saya.

JADUAL KERJA

| HARI | TARIKH | AKTIVITI | CATATAN |
|-------------------|--------|---|---|
| HARI 1 Isnin | | <ul style="list-style-type: none"> - Menerima soalan dan panduan rubrik pelaksanaan kajian - Tajuk: Guna tanah dikawasan kajian - Berbincang dengan guru bentuk pelaksanaan yang hendak dilakukan | |
| HARI 2 Selasa | | <ul style="list-style-type: none"> - Taklimat tentang kajian - Membuat catatan hasil penerangan guru | |
| HARI 3 Rabu | | <ul style="list-style-type: none"> - Mula mengumpul maklumat dalam internet mengenai konsep di makmal komputer dengan bimbingan guru - Berbincang dengan guru hasil maklumat yang diperoleh | |
| HARI 4 Khamis | | <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan borang temubual dengan bimbingan guru - Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai tafsiran guna tanah ,jenis guna tanah dan menghuraikan faktor mempengaruhinya di kawasan kajian. | <ul style="list-style-type: none"> - dengan bimbingan guru - dengan rakan |
| HARI 5 Jumaat | | <ul style="list-style-type: none"> - Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat tentang kesan guna tanah yang berkaitan di kawasan kajian | <ul style="list-style-type: none"> - dengan rakan |
| HARI 6 Sabtu | | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat temubual /soal selidik dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai cadangan tentang usaha -usaha untuk mengatasi kesan terhadapnya di kawasan kajian | |
| HARI 7 Isnin | | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat analisis daripada temubual 10 responden yang diperoleh. - Menghasilkan bahan grafik yang sesuai | <ul style="list-style-type: none"> - dengan bimbingan guru |
| HARI 8 Selasa | | <ul style="list-style-type: none"> - Menulis laporan daripada hasil kajian di hadapan guru. | <ul style="list-style-type: none"> - dihadapan guru geografi |
| HARI 9 Rabu | | <ul style="list-style-type: none"> - laporan -latar belakang kawasan kajian,ciri fizikal dan budaya,lakarkan dan tafsiran peta topografi ,faktor ,kesan sertai cadangan semua bersamaan dengan fakta, huraian dan contoh. - Menyemak laporan kajian dan bahan grafik. | |
| HARI 10 Khamis | | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat penambahbaikan - Menghantar hasil kajian kepada guru | |
| | | <ul style="list-style-type: none"> - Guru membuat pentaksiran | |

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif yang berikut :

1. Latar belakang ciri fizikal dan budaya kawasan kajian.
2. Melukis dan mentafsir peta lakar di kawasan kajian.
3. Lorekkan kawasan taburan guna tanah dan menghuraikan satu jenis guna tanah utama di kawasan tersebut.
4. Menghuraikan kesan guna tanah terhadap alam sekitar yang dikaji di kawasan berlorek.
5. Cadangan usaha-usaha untuk mengatasi kesan guna tanah yang terdapat di kawasan berlorek.
6. Menyediakan laporan hasil kajian.

KAEDAH KAJIAN

Contoh 1

Saya mendengar taklimat dan penerangan daripada guru Geografi, dan pada masa yang sama membuat catatan hasil penerangan guru.

Saya telah mengenal pasti beberapa kaedah yang akan membantu saya mencatat maklumat secara terperinci dan bersistematik. Oleh itu, saya telah menggunakan 3 kaedah ini untuk menjalankan kajian ini. Berikut adalah:-

1. Kaedah pemerhatian

Saya telah membuat pemerhatian terhadap kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat tentang pengangkutan di kawasan kajian. Saya telah memerhati pelbagai jenis alat pengangkutan dan sistemnya di kawasan kajian. Contohnya ialah

2. Soal selidik

Saya telah menyoal selidik penduduk di kawasan kajian untuk mengkaji di kawasan kajian. Saya telah memberi borang soal selidik kepada 10 orang responden dan memberi mereka masa sebanyak 5 minit untuk menjawabnya. Saya telah mengutip borang tersebut dan menganalisanya seperti di bahagian lampiran.

3) Rujukan

Saya telah menggunakan pelbagai bahan rujukan untuk saya mencari maklumat tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memilih seseorang untuk dijadikan orang sumber untuk menceritakan kepada saya tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya juga telah mencari pelbagai sumber dari internet, jurnal, ensiklopedia, akhbar, untuk menjayakan kerja khusus ini. Selain itu saya juga telah menggunakan buku teks Geografi Tingkatan 3 untuk memudahkan saya membuat kajian ini.

Contoh 2

Saya menggunakan kaedah-kaedah kajian yang berikut :

- (a) Pemerhatian : Kami membuat pemerhatian terhadap guna tanah di
- (b) Temu bual : Saya mengumpulkan maklumat tentang kawasan ... daripada pegawai Majlis Perbandaran (MP...) serta mengumpulkan maklumat secara lisan dengan menemu bual beberapa orang penduduk tempatan.
- (c) Rujukan ke perpustakaan : Saya membuat rujukan di Perpustakaan Awam ... untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kawasan

Contoh 3

Sebanyak 5 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematik.

i. Kaedah analisis dokumen

Saya juga turut merujuk dokumen dari untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Dengan ini, penulisan kajian saya tidak akan diragui akan kebenarannya.

ii. Kaedah penyelidikan perpustakaan

Saya juga turut mengunjungi perpustakaan untuk menjalankan penyelidikan sumber-sumber yang ada di situ. Dengan penyelidikan sumber yang pelbagai seperti buku ilmiah, akhbar, majalah dan sebagainya akan menguatkan lagi kajian saya.

iii. Muat turun internet

Saya turut menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara kita dengan melayari laman sesawang produk yang dikaji malah turut memuat turun bahan yang terdapat sebagai rujukan.

iv. Bimbingan Guru

Saya telah mendapat bimbingan guru, iaitu Puan

v. Temubual

Kaedah yang saya jalankan dalam menyiapkan kerja kursus ini antaranya ialah dengan menggunakan kaedah lisan iaitu melalui temubual dengan orang sumber saya yang sememangnya pakar tentang..... Beliau banyak memberi maklumat tentang

MENGUMPUL MATLUMAT

Contoh 1

MENGUMPUL MATLUMAT

*Pelajar perlu melampirkan fotokopi potongan akhbar / majalah / rencana/ halaman buku, gambar-gambar foto, risalah atau sumber-sumber lain.

Kaedah rujukan ialah cara membaca pelbagai bahan bacaan, menggunakan maklumat yang terdapat dalam peta, dan rujukan peta di perpustakaan. Bahan-bahan bacaan yang dibaca ialah buku teks, buku rujukan dan akhbar. Orang sumber seperti saudara mara, sahabat ibu bapa yang merupakan penduduk kawasan juga digunakan untuk memperoleh maklumat yang terkini tentang kawasan kajian. Merujuk dan mencari maklumat di internet seperti 'Google'. Maklumat yang diperoleh itu dicatat dan kemudian dianalisis untuk dijadikan bahan dan isi kandungan kerja kursus. Rujukan daripada orang sumber amat penting dan banyak membantu untuk mengenali latar belakang kawasan kajian secara lebih terperinci.

LAPORAN TEMUBUAL BERSAMA ORANG SUMBER

Saya telah menemubual seorang responden di Petaling Jaya. Beliau telah lama tinggal di Petaling Jaya. Nama beliau ialah xxxxx.

Beliau telah menceritakan serba sedikit mengenai ciri-ciri geografi kawasan Petaling Jaya kepada saya. Menurut beliau, Petaling Jaya

.....

.....

Ceritakan cirri-ciri budaya dan fizikal yang terdapat

.....

Nyatakan contoh-contoh

.....

Nyatakan juga pendapat beliau tentang potensi / halangan / cadangan

..... kawasan tersebut.

Setakat ini sahajalah yang dapat saya peroleh hasil daripada temubual saya bersama responden.

*** Laporan di atas boleh ditulis dalam bentuk dialog (soal-jawab).**

***** Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagam. Gunakan tips**

Contoh 2

*Pelajar perlu melampirkan fotokopi potongan akhbar / majalah / rencana/ halaman buku, gambar-gambar foto, risalah atau sumber-sumber lain.

a) **BUKU TEKS**

- Tajuk Buku : Buku Teks Geografi Tingkatan 1 KBSM
Nama Pengarang : Chang Mui Seen , Azizah Hj Abi Samah
Penerbit : Percetakan Sasbadi Sdn. Bhd
- Tajuk Buku : Buku Teks Geografi Tingkatan 2
Nama Pengarang : Abdul Aziz Abdul Rahman, Lim Jin Choon, Ratnam
Karuppiah Servai
Penerbit : Percetakan Rina Sdn. Bhd
- Tajuk Buku : Buku Teks Geografi Tingkatan 3 KBSM
Nama Pengarang : Khaw Ah Seng, Habibah Hj Lateh, Tan Koh Lim
Penerbit : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd
- Tajuk Buku : Buku Teks Geografi Tingkatan 2
Nama Pengarang : Abdul Aziz Abdul Rahman, Lim Jin Choon, Ratnam
Karuppiah Servai
Penerbit : Percetakan Rina Sdn. Bhd

b) **BUKU ILMIAH**

- Tajuk Buku : Amazing Sains KSSM Tingkatan 1
Nama Pengarang : Ng Chee Kin, Gan Wan Yeat, Peter Ling
Penerbit : Percetakan Oxfrud Fajar Sdn. Bhd
- Tajuk Buku : Hot Target Tingkatan 3 Geografi KBSM
Nama Pengarang : Shikin Rahim, Danial Zulkipli
Penerbit : Percetakan Cemerlang Sdn. Bhd

c) **INTERNET**

- http://www.jpbdselangor.gov.my/Laporan/RSN_Selangor/laporan-tinjauan/B8.0_Perniagaan.pdf
- <https://www.google.com/maps>
- <http://www.dbkl.gov.my/pskl2020/malay/guna%20tanah/index.htm>
- <file:///C:/Users/ptsc7/Downloads/tesisgeografi-140831215938-phpapp02.pdf>
- <https://www.scribd.com/doc/44519607/Faktor-Yang-Mempengaruhi-Pemandaran>

d) **Melawat Tempat Kajian**

Seksyen 51+51A , Petaling Jaya

4) Orang Sumber

a) **Pengawai MPBJ**

Encik Muhd Yusof Bin Ismail
Menara MBPJ, Petaling Jaya

3.1 Latar belakang Kawasan Kajian Petaling Jaya ‘Old Town’

Sejarah / Asal usul

Petaling Jaya ‘Old Town’ asalnya sebuah ladang getah bernama *The Effingham Estate* yang seluas 486 hektar. Pada awal tahun 50an, bagi mengatasi masalah kesesakan akibat pertambahan penduduk di Kuala Lumpur, daerah Petaling Jaya diwujudkan sebagai Bandar Satelit Kuala Lumpur. Petaling Jaya yang terletak di antara Shah Alam dan Kuala Lumpur, hari ini telah menjadi Bandar yang termaju di Negeri Selangor.

Rata-rata penduduk adalah pelbagai kaum yang terdiri daripada keluarga berpendapatan sederhana kepada keluarga berpendapatan tinggi dengan purata umur 40 tahun. Kebanyakan daripada mereka adalah golongan profesional, doktor, pensyarah, ahli politik, guru, ahli peniaga dan penjaja.

Guna Tanah

Ciri-ciri fizikal yang terdapat di kawasan Petaling Jaya ‘Old Town’ adalah seperti berikut.

Di sebelah barat kawasan Petaling Jaya adalah bertanah tinggi dan berhutan. Di sebelah timur pula yang bertanah pamah adalah lebih rendah. Di sebelah utara pula terdapat tasik semula jadi iaitu Tasik Taman Jaya. Kawasan ini juga direntasi oleh beberapa anak sungai yang kecil yang hari ini telah menjadi parit. Terdapat juga beberapa tanah lapang terbiar seperti di persimpangan Jalan Gasing dan Jalan Templer, di Seksyen 4 dan Lorong Utara Kecil.

Guna Tanah

Ciri-ciri budaya yang terdapat di kawasan Petaling Jaya ‘Old Town’ adalah seperti berikut.

Petempatan di Petaling Jaya rata-rata terdiri daripada rumah-rumah banglo, rumah berkembar, rumah teres dan kondominium. Rumah-rumah ibadat juga berselerak seperti masjid, kuil, tokong dan gereja.

Sekolah-sekolah, taman rekreasi, pasar dan stesen bas juga bertaburan di sekitarnya. Kilang-kilang khasnya tertumpu di Seksyen 51.

Kawasan Petaling Jaya dihubungi oleh jaringan pengangkutan seperti landasan Komuter, LRT dan Jalan raya.

3.2 Peta Lakar Menunjukkan taburan guna tanah di Petaling Jaya ‘Old Town’



PETUNJUK :

PERUMAHAN

- RUMAH BERSEKUTUHAN
- RUMAH BERKEMBAR
- RUMAH TERES
- RUMAH PANGSA
- PANGSAPURUKONDOMINIUM
- SETINGGAH

PERDAGANGAN

- SEDIABA
- KOLEJ SWASTA
- HOSPITAL SWASTA
- STESENMINYAK
- GERAI
- HOTEL
- PASAR

INSTITUSI

- INSTITUSI KERAJIAN
- BALAI POLIS
- BALAI BOMBA
- KLING KERAJIAN
- DEWAN ORANG RUMAH BALAPRAYA
- PERPUSTAKAAN
- RUMAH ORANG TUA
- PEJABAT POS

INSTITUSI PENDIDIKAN

- TADJIK
- SEKOLAH MENENGAH
- SEKOLAH BENDAH
- SEKOLAH AGAMA
- INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
- MADRASAH

INSTITUSI KEAGAMAAN

- MASJID
- SURAU
- KUL HINDU
- KUL SIKH
- KUL BUCCHA
- GEREJA
- KEM ADAMA LAIN

JALAN RAYA

- JALANRAYALEBUHRAYA
- JALANRAYALEBUHRAYA
- LALUAN LRT/KOMUTER

TANAH PERKUBURAN

- PERKUBURAN ISLAM
- PERKUBURAN KRISTIAN
- PERKUBURAN HINDU
- PERKUBURAN CINA
- KREMATORIUM

PERINDUSTRIAN

- SEDIABA

UTILITI

- RIZAB TNB
- ISU SAWAT STM
- PEMBENTUNGAN
- TANGKI AIR
- NGAB PARUT
- TANGKI NAJIS

LAIN-LAIN

- TANAH KOSONG
- KAWASAN LAPANG
- TASHK
- "GREEN BELT" BUKIT CASING

3.3 Tafsiran Peta Lakar

Taburan Guna Tanah Ciri-ciri Fizikal

Tanah pamah – rata-rata kawasan tengah dan kiri Petaling Jaya adalah terdiri daripada tanah pamah yang dipenuhi dengan kawasan petempatan.

Tanah Tinggi – terletak di sebelah barat Petaling Jaya bersempadan dengan Kuala Lumpur iaitu Bukit Gasing. Kebanyakan kawasan tanah tinggi ini adalah berhutan dan terdapat petempatan mewah seperti kondominium dan banglo.

Sungai – beberapa batang sungai yang mengalir dari barat ke timur telah diubah menjadi parit atau longkang besar.

Tasik – Tasik Taman Jaya merupakan pusat rekreasi penduduk terletak di bahagian tengah Petaling Jaya.

Taburan Guna Tanah Ciri-ciri Budaya

Petempatan

Petempatan di Petaling Jaya, rata-rata terdiri daripada rumah-rumah banglo, rumah berkembar, rumah teres dan kondominium mewah seperti Menara Maxwell, Cameron Towers dan Fraser Towers.

Rumah Ibadat

Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz di Jala Templer dan Surau Seksyen 4 di Jalan 4/33 merupakan tempat ibadat umat Islam. Terdapat ibadat kaum Cina pula seperti Kuil Buddha Sau Seng Lum di Seksyen 1, Kuil Hung Shing Kung di Seksyen 4. Gereja Khatolik Assumption di Jalan Templer dan Gereja Gospel Hall di Jalan Gasing untuk orang Kristian. Terdapat juga Kuil Sri Sathi Vinayagar di Jalan Selangor dan Kuil _____ di Jalan _____ untuk penganut Hindu. Kuil Siam di Jalan Pantai pula untuk penganut Buddha.

Kawasan Institusi, Rekreasi, Pasar dan Perhentian Bas

Banyak sekolah terletak di sekitar Petaling Jaya 'Old Town' termasuklah SMK Taman Petaling, SMK La Salle, SRK La Salle, SMK Assunta, SMJK Katholik dan sebagainya. Bagi rekreasi terdapat beberapa taman permainan seperti Stadium Hoki MBPJ, Arena Raja Muda, Padang Timur dan Padang Bola Jalan 10, Pasar Besar Jalan Othman dan Terminal Bas Jalan Othman terdapat di Seksyen 2 Petaling Jaya.

Kawasan Perindustrian dan Perdagangan

Kawasan perindustrian terletak di sebelah barat Jalan Penchala. Banyak kilang dan syarikat seperti Tayaria, Continental Tyre, Yeo Hiap Senag, Johnson & Johnson, Campbell dan sebagainya kesemuanya terletak di sini.

Pusat Perdagangan di Seksyen 52 dipenuhi dengan pejabat-pejabat kerajaan, bank-bank perdagangan dan rumah-rumah kedai. Menara MBPJ pula tinggi tersegam megah bagi enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Rumah-rumah kedai juga banyak didirikan bagi cendawan tumbuh selepas hujan di Seksyen 1 dan 2.

Pengangkutan

Kawasan Petaling Jaya 'Old Town', asalnya terdiri daripada dua jalan utama iaitu Jalan Othman dan Jalan Templer. Kini disempadani oleh Jalan Gasing di barat, Jalan Railway di Selatan, Jalan Persekutuan di utara. Petaling Jaya 'Old Town' boleh dihubungi oleh pengangkutan Komuter di selatan dan LRT di utara. Penduduk hanya memerlukan beberapa minit sahaja untuk berulang-alik ke Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam atau membeli belah di Mid Valley Megamall dan Amcorp Mall.

3.4 Faktor Guna Tanah Utama sebagai Kawasan Perindustrian di Seksyen 51A 'Old Town', Petaling Jaya



1. Tanah pamah yang rata dan luas - Kawasan seksyen 51A yang bertanah pamah memudahkan pembinaan kilang. Jalan raya juga dapat dibina lurus dan lebar.
2. Lokasi yang strategik - Kedudukan Petaling Jaya Seksyen 51A ini strategik di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang. Barangan siap dapat diedarkan dengan cepat ke pasaran di Kuala Lumpur manakala barangan eksport juga dapat dihantar ke Pelabuhan dengan segera.

3. Sistem jaringan jalan raya - Kawasan ini dilengkapi dengan jalan raya lurus, lebar dan rata. Jaringan jalan raya juga sistematik. Kawasan Perindustrian Seksyen 51A juga terletak di sebelah Lebuhraya Persekutuan. Ini memudahkan pengangkutan bahan mentah ke kilang dan barangan siap ke pasaran di tempat lain.
4. Kemudahan Infrastruktur - Bekalan air, sistem telekomunikasi baik, elektrik dan sistem perparitan sempurna yang sedia ada turut membantu perkembangan Kawasan Seksyen 51A ini.
5. Populasi penduduk - Dengan populasi penduduk Petaling Jaya melebihi 600,000 orang tidak hairanlah kawasan perindustrian Seksyen 51A dapat berkembang maju dengan singkat. Kepadatan penduduk sekitar dapat membekalkan tenaga buruh yang mahir dan separa-mahir yang mencukupi
6. Pelaburan - Kawasan perindustrian Seksyen 51A ini mengukumi pertumbuhan yang pesat juga disebabkan oleh pelaburan dari dalam dan luar negara. Antara pelabur asing termasuklah dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan dan Korea.

Perhatian: Pelajar boleh membuat jenis guna tanah yang lain seperti berikut:

| Jenis guna tanah | Faktor | Kesan ke atas persekitaran | Usaha atasi |
|--|--|---|---|
| Pengangkutan (Jalanraya, LRT, Komuter) | <ul style="list-style-type: none"> - Tanah pamah yang rata – jalan raya lurus - Pertambahan kawasan perumahan - Pertambahan polulasi penduduk dan pelajar - Pertambahan sekolah dan tadika | <ul style="list-style-type: none"> - Banjir kilat – hakisan tanah runtuh - Kesesakan lalu lintas - Risiko kemalangan - Pencemaran udara – pelepasan asap – menjejaskan kesihatan - Pencemaran bunyi – mengganggu emosi | <ul style="list-style-type: none"> - Peparitan tuntut mengalirkan air hujan - Pembinaan jalan raya terancang - Penguatkuasaan undang-undang - Jejantas – lorong khas - Kempen – berkongsi kereta atau penggunaan kereta hibrid |
| Petempatan di tanah tinggi | <ul style="list-style-type: none"> - Tanah tinggi – Bukit Gasing - Kawasan hutan menghijau - Udara segar - Kurang kesesakan - Nilai tanah tinggi berstatus | <ul style="list-style-type: none"> - Kepupusan flora dan fauna - Tanah runtuh, banjir kilat - Pencemaran udara - Kepadatan penduduk meningkat - Kesesakan lalu-lintas | <ul style="list-style-type: none"> - Penguatkuasaan undang-undang - Kempen menjaga alam sekitar - Akta mewartakan kawasan hijau ‘Green Belt’ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Institusi pendidikan, sekolah, kolej, tadika | <ul style="list-style-type: none"> - Pertambahan bilangan keluarga - Kadar kelahiran tinggi - Taraf hidup meningkat - Keperluan pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> - Kesesakan lalu-lintas - Pencemaran udara oleh kenderaan - Pencemaran bunyi oleh kenderaan. | <ul style="list-style-type: none"> - Kerjasama polis trafik - Jalan-raya dilebarkan - Jejantas, lorong basikal - Bulatan diganti dengan lampu isyarat |
| Perniagaan dan perdagangan, kedai, kompleks beli belah, pasar malam | <ul style="list-style-type: none"> - Tumpuan penduduk sekitar - Daya beli tinggi - Keperluan harian penduduk - Tapak / lokasi yang sesuai / luas - Kesesuaian waktu berniaga | <ul style="list-style-type: none"> - Kesesakan lalu lintas - Pencemaran bunyi – iklan, pembesar suara, jeritan - Pencemaran darat – sampah - Pencemaran udara – bau busuk | <ul style="list-style-type: none"> - Kawalan polis trafik ditutup pada pukul 10.00pm supaya tidak mengganggu ketenteraman - Menyediakan tong sampah, lori kutip sampah - Kempen kesedaran seperti tidak menggunakan bag plastic. |

3.5 Kesan Guna Tanah Kawasan Perindustrian Seksyen 51 + 51A

Kesan utama adalah berikut:

a. Pencemaran

Pencemaran air - Toksik-tosik dan bahan kimia seperti raksa atau minyak dialirkan ke dalam peparit dan longkang dan terus ke sungai. Akibatnya, air menjadi busuk, beracun dan menjejaskan hidupan air.

Pencemaran bunyi - Bunyi bising jentera dan kerja kilang-kilang juga menghasilkan suasana ketidak-tenteraman serta gangguan emosi.

Pencemaran udara - Pelepasan asap, habuk menyebabkan kejadian jerebu. Karbon dioksida dan gas berasid pula menyebabkan kesan rumah hijau dan hujan asid.
- Pelepasan gas CFC juga menyebabkan penipisan lapisan ozon dan menjejaskan hidupan bumi dan alam sekitar.

b. **Bencana kilang** - Kebakaran dan letupan kilang juga boleh berlaku dan menjejaskan kawasan sekitar.
- Bahan mentah dan bahan api yang meruap dan mudah terbakar kesemuanya berisiko tinggi.
- Contohnya, kebakaran kilang Colgate Palmolive yang berlaku pada 30 Mei 2015. Kebakaran ini boleh dilihat sehingga sejauh 5 kilometer.

- c. Kesesakan lalu-lintas** - Kenderaan seperti lori pengangkut dan kereta para pekerja yang berulang-alik meningkatkan kesesakan lalu-lintas terutamanya pada waktu puncak di sepanjang Jalan Tandang sehingga ke lebuh raya Persekutuan. Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada tahap pencemaran bunyi dan udara.

3.6 Cadangan usaha-usaha untuk mengatasi kesan guna tanah kawasan perindustrian Seksyen 51+51A, Petaling Jaya

Masalah Pencemaran

Pihak berkuasa melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kualiti dan Alam Sekeliling 1974 boleh melaksanakan hukuman denda, saman atau membatalkan lesen operasi kilang yang mencemarkan alam sekitar.

Pihak berkuasa juga boleh memastikan kilang mengambil langkah-langkah pencegahan seperti

- a. Memasang penapis udara pada cerobong untuk mengurangkan pencemaran udara
- b. Merawat sisa buangan sebelum dialirkan ke sungai untuk mencegah pencemaran air.
- c. Menyediakan tong-tong khas untuk simpanan sisi toksik

Pihak NGO dan kerajaan boleh melancarkan kempen-kempen kessedaran seperti:

- a. Menjalankan proses kitar semula untuk mengurangkan sam[ah
- b. Mengharamkan kebakaran terbuka untuk mengurangkan pencemaran udara
- c. Menjaga kebersihan alam sekitar supaya cantik mata memandang.

Pihak kerajaan juga boleh memberi insentif kepada pekilang untuk menukarkan penggunaan tenaga. Contohnya penggunaan bahan api fosil yang mencemarkan alam sekitar ditukarkan kepada penggunaan tenaga alternative yang mesra alam dan lebih murah seperti tenaga hidroelektrik, gas asli NGV dan tenaga solar.

Bencana Kilang

Langkah terdesak untuk mengatasi bencana kilang adalah kilang-kilang yang berisiko kebakaran tinggi dipindahkan ke kawasan yang jauh dari kawasan perumahan. Pihak berkuasa perlu memastikan kilang dibina mengikut peraturan keselamatan. Kilang-kilang perlu dilengkapi dengan alat pemadam api, penyembur air dan tekanan air sentiasa mencukupi untuk menghadapi sebarang kebakaran. Pihak bomba perlu sentiasa menjalankan pemantauan keselamatan terhadap kilang-kilang.

Kesesakan Lalu-lintas

Terdapat dua langkah utama untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas iaitu langkah jangka pendek dan jangka panjang.

- a. Langkah jangka pendek adalah seperti menukarkan jalan dua hala kepada sehalu. Menggunakan polis trafik untuk mengawal lalu-lintas pada waktu puncak.
- b. Langkah jangka panjang adalah seperti melebarkan jalan sempit, menukarkan bulatan kepada lampu isyarat, membina jejantas atau laluan pintas.